

**PELAKSANAAN PROJEK VIDEO BAGI MENINGKATKAN PENGUASAAN
KATA KERJA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID SJKC**

**VIDEO PROJECT TO IMPROVE MALAY VERB VOCABULARY
AMONG SJKC'S STUDENTS**

KHOO PHAU LIANG¹ & NOR AZWAHANUM NOR SHAID²

¹SJKC Chung Hwa Jerteh, 22000 Jerteh, Terengganu, Malaysia

²Pusat Kajian Inovasi Pembelajaran & Pengajaran, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

Corresponding authors: p105116@siswa.ukm.edu.my

Received: 05 Aug 2021

Accepted: 24 Aug 2021

Published: 30 Sept 2021

Abstract: Chinese Primary Schools (SJKC) students have always been weak in Malay vocabulary, especially now of all times when they had to stay at home and learn everything via online. This action research aims to elaborate the application of video project to improve verb vocabulary among SJKC students. The video project is conducted based on Piaget's Theory of Cognitive Development, Fleming's Visual-Auditory-Kinesthetic (VAK) Model and Project Based Learning. Four students were chosen to participate voluntarily. Research datas were collected via pretest and posttest. Pretest results showed that the students' verb vocabulary was at weak and moderate level. Intervention was then carried out by conducting video project in four series. For each series, students have to record suitable actions based on 12 verbs given. At the end of the intervention, students have successfully recorded four videos which included 48 verbs. Posttest results showed that two of the students' verb vocabulary have improved to excellent level, one improved to moderate level, and one remain at weak level. All four students have shown great improvements in recognizing verbs based on photos given. However, their ability to use verbs in sentences have only shown minimal improvements. Therefore, it is suggested that in the next research, students should try to make their own sentences in their videos, so that they could learn to use the verbs accurately. Project video for learning nouns and adjectives should also be considered in future.

Keywords: Malay language verbs, Video Project, Piaget's Theory of Cognitive Development, Fleming's Visual-Auditory-Kinesthetic Model, Project Based Learning

Abstrak: Kebanyakan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sukar untuk menguasai kosa kata bahasa Melayu dengan baik. Masalah ini semakin ketara sejak mereka terkurung di rumah akibat penularan Covid-19 dan terpaksa mengikuti pelajaran dalam talian. Kajian ini meneroka keberkesanan projek video untuk memantapkan penguasaan kata kerja dalam kalangan murid SJKC. Pelaksanaan projek video dalam pembelajaran adalah berlandaskan Teori Pembelajaran Kognitif Piaget, Model Pembelajaran Visual-Auditori-Kinestetik (VAK) Fleming dan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek. Empat orang murid

telah dipilih untuk menyertai kajian tindakan ini. Instrumen pengumpulan data yang digunakan ialah ujian. Ujian praintervensi menunjukkan bahawa penguasaan kata kerja bahasa Melayu peserta kajian berada pada tahap yang lemah dan sederhana. Intervensi dilaksanakan melalui projek video kata kerja secara empat siri. Bagi setiap siri, peserta kajian diminta untuk merakam perlakuan yang sesuai berdasarkan 12 kata kerja yang diberikan. Pada akhir intervensi ini, peserta kajian telah berjaya merakam empat video yang merangkumi 48 kata kerja. Ujian pascaintervensi menunjukkan penguasaan dua orang peserta kajian terhadap kata kerja telah mencapai tahap cemerlang, seorang mencapai tahap sederhana manakala seorang lagi masih terkandas pada tahap lemah. Keempat-empat peserta kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam aspek mengecam kata kerja berdasarkan gambar, tetapi kemahiran mereka menggunakan kata kerja dengan tepat dalam ayat hanya menunjukkan peningkatan yang sedikit. Bagi kajian selanjutnya, dicadangkan supaya peserta kajian membina ayat sendiri dalam video masing-masing supaya mereka belajar menggunakan kata kerja dengan betul. Pelaksanaaan projek video yang berkaitan dengan kata nama dan kata adjektif juga wajar dipertimbangkan.

Kata Kunci: Kata Kerja Bahasa Melayu, Projek Video, Teori Pembelajaran Kognitif Piaget, Model Pembelajaran VAK Fleming, Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek

Cite this article: Khoo Phau Liang & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2021). Pelaksanaan Projek Video bagi Meningkatkan Penguasaan Kata Kerja Bahasa Melayu dalam kalangan Murid SJKC [*Video Project To Improve Malay Verb Vocabulary among SJKC's Students*]. Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE), 1(3), p. 145-159.

REFLEKSI AMALAN YANG LALU

Pengajaran dan pembelajaran kosa kata Bahasa Melayu di SJKC bukan perkara yang mudah. Terdapat tiga cabaran utama yang dihadapi oleh guru, iaitu; (i) kelemahan penguasaan kosa kata murid SJKC, (ii) kaedah pengajaran kosa kata yang kurang berkesan dan (iii) perubahan norma pembelajaran yang mendadak.

Kelemahan Penguasaan Kosa Kata Murid SJKC

Murid-murid SJKC sangat lemah dalam aspek kosa kata bahasa Melayu. Dalam hal ini, Chew (2016) menjelaskan bahawa pelajar yang mengambil bahasa kedua seperti murid-murid SJKC mempunyai pilihan sama ada mahu menggunakan bahasa ibunda atau bahasa kedua yang dipelajari. Ramai antara mereka sudah tentu cenderung untuk memilih bahasa ibunda sendiri dalam komunikasi harian. Natijahnya, mereka gagal menguasai kosa kata bahasa Melayu yang asas dengan baik. Ambikapathi (2015) berpendapat bahawa seseorang pelajar mesti menguasai sekurang-kurangnya 2000 patah perkataan jika mahu membaca buku cerita atau bahan media, manakala 3000 patah perkataan diperlukan untuk membaca buku-buku ilmiah. Persoalannya, berapa ramai dalam kalangan murid SJKC yang benar-benar menguasai kosa kata bahasa Melayu sebanyak itu?

Terdapat pelbagai punca kelemahan kosa kata murid murid SJKC. Ambikapathi (2015) membahaskan beberapa punca yang menyebabkan masalah kelemahan kosa kata dalam kalangan murid Cina. Antaranya ialah kurang membaca, kurang bahan bacaan bahasa Melayu dan kurang rujukan utama. Kenyataan beliau selaras dengan dapatan Chew (2016), iaitu murid-murid Cina

tidak gemar memilih bahan bacaan bahasa Melayu untuk dibaca kerana budaya mereka berbeza. Hasil tinjauan pengkaji turut mendapati bahawa murid-murid SJKC tidak mempunyai buku-buku bahasa Melayu di rumah mereka. Mereka mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa Melayu ialah subjek wajib untuk lulus peperiksaan. (Dayang Sufilkawany & Wan Muna Ruzanna, 2016). Oleh itu, mereka hanya bergantung pada guru untuk membekalkan kosa kata yang diperlukan. Pembelajaran sebegini menjadikan mereka tidak bersedia untuk menghadapi peperiksaan UPSR bahasa Melayu. Menurut KPM (2014), terdapat murid dalam kumpulan sederhana dan kumpulan lemah yang tidak memahami soalan UPSR sehingga mereka hanya menyalin soalan tersebut. Ada yang menjawab dengan bahasa yang tidak difahami, dan ada juga yang melakukan banyak kesalahan kosa kata.

Paramasivam Muthusamy (2017) menjelaskan wujudnya gejala kerancuan bahasa akibat kelemahan kosa kata. Keadaan ini jelas berlaku pada murid-murid SJKC yang banyak terpengaruh dengan bahasa Inggeris dan dialek Mandarin semasa menggunakan bahasa Melayu. Murid-murid cenderung menggunakan ungkapan rancu seperti “belum siap *loi*”, “*I tak pandai ma*”, “boleh pinjam *ah*” dan banyak lagi. Anne Jeffrey & Saidatul Nornis (2020) berpendapat bahawa murid menyambung ayat dengan perkataan bahasa asing kerana kosa kata mereka tidak mencukupi. Selain merencatkan penguasaan bahasa dalam diri murid, gejala ini juga merosakkan bahasa Melayu baku serta melahirkan kelompok pengguna bahasa Melayu yang terpesong. Lebih parah lagi apabila gejala kerancuan bahasa ini terbawa-bawa sehingga mereka melangkah ke sekolah menengah. Buktinya, Liew, Yahya & Abdul Rasid (2016) merekodkan bahawa jumlah kesalahan penggunaan kata dalam kalangan pelajar Cina sekolah menengah lebih tinggi, berbanding dengan kesalahan-kesalahan morfologi lain seperti imbuhan, sendi nama, pemerl, kata ganda dan kata penegas.

Berdasarkan pengalaman sebagai guru yang melaksanakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan peserta kajian, pengkaji memerhatikan bagaimana murid-murid menghadapi masalah untuk menyatakan pendapat, memberi arahan dan bertanya soalan. Apabila soalan diajukan, ramai antara mereka mempunyai idea tetapi tidak mampu menjawab kecuali setelah diberikan kebenaran untuk berbahasa Mandarin atau Inggeris. Malah, apabila melaksanakan aktiviti lakonan dan simulasi, kebanyakannya bercakap tersekat-sekat sekiranya perlu berdialog secara spontan, dan mereka gemar meminjam istilah Mandarin untuk melengkapkan percakapan. Begitu juga sekiranya mereka tidak faham dan ingin bertanya, mereka akan menggunakan bahasa Mandarin secara tidak sengaja. Ini membuktikan bahawa mereka cenderung untuk berfikir menggunakan bahasa Mandarin kerana kurangnya kosa kata dalam bahasa Melayu.

Kaedah Pengajaran Kosa Kata Yang Kurang Berkesan

Kaedah hafalan kosa kata yang digunakan dalam pengajaran sebelum ini tidak membawa hasil yang baik. Menurut Ambikapathi (2015), murid lebih memerlukan pengalaman dalam konteks sebenar (*situational*) untuk menguasai bahasa. Disebabkan itu, sekiranya guru tidak mendedahkan penggunaan perkataan dalam keadaan sebenar kepada murid, adalah tidak wajar murid

dipersalahkan apabila mereka tidak mampu menggunakan perkataan-perkataan yang tepat dalam penulisan ayat. Mengenali perkataan dan menggunakan perkataan ialah dua ilmu yang berbeza. Apatah lagi bagi murid SJKC, mereka terikat dengan lingkungan penutur yang sama selepas waktu sekolah, iaitu lingkungan penutur bahasa Cina dan bukannya bahasa Melayu (Chew, 2016). Dalam keadaan sebegini, bagaimanakah guru dapat menjangkakan bahawa murid-murid mampu menggunakan kosa kata yang telah diajarkan di dalam kelas?

Selain kaedah hafalan, kaedah penterjemahan turut digunakan dalam mengajar kosa kata kepada murid. Mula-mula, pengkaji memaparkan kosa kata bahasa Melayu yang ingin diajarkan, kemudian menerangkan maksud kosa kata tersebut dalam bahasa Cina serta bahasa Inggeris. Dalam jangka masa yang pendek, kaedah penterjemahan memang menampakkan hasil yang bagus, terutamanya apabila murid dapat mengingati maksud kosa kata yang diajar dan memindahkannya semula dalam bahasa terjemahannya. Namun begitu, mereka mudah keliru dan lupa akan maksud kosa kata yang sudah diajarkan dengan cara ini. Menurut Khairul Nizam (2017), pemindahan yang berlaku dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain sering kali tidak sempurna, dan akan memberikan kesan yang negatif terhadap proses pembelajaran bahasa kedua. Semakin banyak kosa kata yang dipelajari melalui terjemahan, murid akan semakin terasing daripada penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. Akhirnya, timbulah persepsi bahawa bahasa Melayu sangat mengelirukan dan susah untuk dipelajari (Abdul Rashid, 2016).

Perubahan Norma Pembelajaran Yang Mendadak

Seperti guru-guru lain, pengajaran pengkaji turut terkesan dengan penularan pandemik Covid-19 sejak tahun 2020. Murid-murid tidak bersedia untuk mengikuti pembelajaran dari rumah. Menurut Hazhari Ismail (2021), dasar penutupan sekolah mendatangkan kesan kepada sekurang-kurangnya 1.5 bilion kanak-kanak di seluruh dunia (192 negara). Secara tidak langsung, kanak-kanak menghadapi risiko besar dari segi kesihatan pertumbuhan dan perkembangan mereka, khususnya dalam aspek pembelajaran mata pelajaran teras untuk kepentingan masa depan. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Chahaya (2020), bahawa penutupan sekolah di Malaysia pada bulan Mac 2020 sememangnya membimbangkan. Hal ini dikatakan demikian kerana bulan Mac masih terlalu awal bagi kanak-kanak untuk menguasai pelbagai ilmu akademik, khususnya kemahiran bahasa. Oleh itu, apabila terpaksa belajar dalam talian, ramai murid yang masih terkapai-kapai untuk mengikuti pembelajaran. Dalam konteks bahasa Melayu, murid-murid di SJKC khususnya belum bersedia dengan penguasaan kosa kata yang mencukupi untuk benar-benar memahami dan mengikuti pembelajaran bahasa Melayu secara maya. Jika sebelum ini mereka boleh menjadikan guru atau rakan-rakan sebagai rujukan di dalam kelas, kini mereka perlu mengumpulkan lebih banyak keberanian untuk membuka mikrofon dan kamera dalam *Google Meet* sekiranya mahu mengajukan soalan.

Selain itu, pengkaji turut berhadapan dengan kerentah murid yang tidak gemar mengikuti pembelajaran bahasa Melayu dalam talian. Randip Kaur dalam penulisan Sri Ayu (2021) telah menyatakan bahawa sikap murid terhadap PdPR kelihatan hambar. Keadaan ini boleh berlaku disebabkan beberapa faktor, seperti capaian internet yang tersekat-sekat, masalah peranti, kelesuan

menghadap skrin gajet terlalu lama, atau persekitaran belajar di rumah yang kurang sesuai. Bagi mata pelajaran bahasa Melayu pula, murid-murid SJKC lebih sukar untuk mengikuti pengajaran guru mereka kerana mereka mempunyai kosa kata yang terhad, apatah lagi sekiranya guru hanya mengajar secara satu hala melalui *Google Meet* dan tidak mengizinkan mereka untuk membuka mikrofon dalam satu masa, kerana khuatir akan mengganggu suasana *Google Meet*. Apabila berlarutan, murid-murid yang lemah semakin kurang keyakinan diri kerana merasakan bahawa diri mereka sudah ketinggalan dalam pelajaran.

Tekanan murid ini sebenarnya turut dirasai oleh pengkaji, ibarat cubit paha kanan, paha kiri terasa juga. Cabaran untuk mengajarkan bahasa Melayu dalam talian sememangnya besar, kerana kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis memerlukan aktiviti-aktiviti bersemuka supaya bimbingan yang tepat dapat diberikan. Hakikatnya, pengkaji suka bergantung pada perisian-perisian canggih untuk menyampaikan pengajaran bahasa. Namun begitu, perisian-perisian canggih tersebut hanya mewujudkan keterujaan sementara sebelum murid menjadi bosan. Hal ini menyebabkan bentuk pengajaran kaku dan tidak menyeronokkan. Menurut Fenny et al. (2021), ada juga sebilangan guru yang selesa dengan hanya menggunakan sejenis perisian seperti *Google Meet*. Dengan itu, mereka enggan mencuba perisian-perisian lain yang mungkin lebih berkesan dan sesuai untuk murid-murid. Sikap sebegini telah mendatangkan kerugian yang besar kepada murid-murid. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kaedah pengajaran yang menarik lebih tekal dalam meningkatkan minat dan motivasi murid untuk belajar dengan tekun secara berterusan.

FOKUS KAJIAN

Kajian tindakan ini memberi fokus terhadap murid bukan Melayu yang belajar di SJKC. Kebanyakan murid bukan Melayu jarang menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi di rumah. Hal ini mengakibatkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu mereka semakin merosot dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Mereka tidak mempunyai peluang untuk belajar kosa kata bahasa Melayu dalam suasana seperti di sekolah-sekolah kebangsaan. Selain itu, kajian ini mengecilkan skop kepada murid darjah enam sahaja. Skop ini ditetapkan demikian kerana murid darjah enam bakal menamatkan persekolahan di peringkat rendah dan bakal melangkah ke sekolah menengah pada tahun seterusnya. Di sekolah rendah, mereka sudah terbiasa untuk menggunakan bahasa Cina dalam komunikasi bersama-sama rakan dan guru. Namun di sekolah menengah, setiap mata pelajaran diajar dalam bahasa Melayu dan murid serta guru juga lebih ramai dalam kalangan orang Melayu. Perbezaan suasana ini akan menjadi suatu cabaran yang besar untuk mereka kelak, lebih-lebih lagi jika mereka lemah dalam kosa kata bahasa Melayu.

Selain itu, kajian ini hanya menumpukan aspek kata kerja sahaja. Kata kerja yang dipilih adalah bertemakan kekeluargaan (*Situasi di Ruang Tamu*) yang disenaraikan dalam Daftar Kosa Kata Bahasa Melayu SJK (KPM, 2018). Batasan ini ditetapkan sedemikian kerana kata kerja merupakan antara golongan kata yang kerap digunakan oleh murid untuk menulis ayat. Malah, dalam konteks penghasilan video kreatif, kata kerja lebih mudah untuk dilakukan aksinya bagi menyampaikan maksud dengan jelas kepada penonton. Tema kekeluargaan (*Situasi di Ruang*

Tamu) dipilih untuk memudahkan peserta kajian merakam aksi-aksi kata kerja di dalam rumah, memandangkan kajian ini dibuat dalam tempoh PKP dan peserta kajian sukar untuk bergerak ke mana-mana.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah meneroka keberkesanan projek video bagi meningkatkan penguasaan kata kerja murid tahun enam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Keberkesanan projek video diukur melalui perbandingan skor ujian praintervensi dan pascaintervensi peserta kajian.

KUMPULAN SASARAN

Dua orang murid perempuan (Peserta Kajian A dan B) dan dua orang murid lelaki (Peserta Kajian C dan D) telah dipilih melalui pensampelan bertujuan untuk menyertai kajian ini. Antara kriteria pemilihan peserta kajian yang disaring meliputi lima aspek berikut:

- i. Bukan berbangsa Melayu
- ii. Berumur 12 tahun
- iii. Belajar di SJKC yang sama
- iv. Memperoleh Tahap Penguasaan 2 dan ke bawah dalam pelaporan PBD bahasa Melayu pada bulan Mei 2021
- v. Sukarela untuk melibatkan diri dalam kajian

LANGKAH PELAKSANAAN KAJIAN

Kajian tindakan ini mengaplikasikan Model Kurt Lewin (1946) yang merupakan kitaran empat fasa, iaitu (i) Merancang, (ii) Bertindak, (iii) Memerhati dan (iv) Mereflek.

i. Merancang

Pada peringkat “Merancang”, pengkaji telah meminta kebenaran daripada pihak sekolah dan ibu bapa peserta kajian. Kemudian, pengkaji telah menjalankan ujian bertulis terhadap peserta kajian melalui *Google Meet*. Jadual 1 menunjukkan skala gred bagi ujian bertulis yang diadaptasi daripada Annuar et al. (2021).

Jadual 1: Skala gred ujian

Peratus Markah (%)	Tahap
70 dan ke atas	Cemerlang
50 - 69	Sederhana
49 dan ke bawah	Lemah

Ujian bertulis intervensi mengandungi 50 soalan yang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A (25 soalan) dan Bahagian B (25 soalan). Dalam Bahagian A, kefahaman peserta kajian terhadap kata kerja diuji melalui pemadanan gambar dengan kata kerja yang sesuai. Sementara itu,

dalam Bahagian B pula, kemahiran peserta kajian menggunakan kata kerja diuji melalui pengisian tempat kosong dalam ayat-ayat yang diberi. Setelah selesai menjawab ujian bertulis, murid menghantar kertas jawapan masing-masing melalui *Google Classroom*.

Keputusan ujian bertulis praintervensi menunjukkan bahawa tahap penguasaan peserta kajian bagi kata kerja bahasa Melayu berada pada tahap lemah dan sederhana. Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian praintervensi yang telah dijalankan.

Jadual 2: Keputusan ujian praintervensi

Peserta Kajian (PK)	Bahagian A	Bahagian B	Jumlah Markah	Peratus (%)	Tahap Penguasaan
A	14	7	21	42	Lemah
B	8	4	12	24	Lemah
C	13	14	27	54	Sederhana
D	11	7	18	36	Lemah

ii. Bertindak

Pada peringkat “Bertindak”, pengkaji telah memberikan taklimat projek kepada peserta kajian melalui *Google Meet* supaya mereka jelas akan intervensi yang akan dijalani. Dalam taklimat tersebut, pengkaji telah menayangkan video kata kerja yang dirakam dan disunting oleh pengkaji sendiri. Pengkaji juga berkongsi cara melakonkan aksi berdasarkan kata kerja, merakam dan menyunting video supaya peserta kajian dapat melakukannya dengan baik.

Kemudian, pengkaji telah menyenaraikan kata kerja yang perlu dirakam oleh peserta kajian pada setiap minggu. Peserta kajian perlu mencari makna kata kerja yang tidak difahami dengan sendiri dan melakonkan perlakuan yang sesuai berdasarkan kata kerja dalam bentuk rakaman video. Peserta kajian juga perlu menyunting video kata kerja dengan menambah sari kata, muzik latar dan kesan khas untuk menjadikan video lebih menarik.

Video yang telah siap dihantar ke *folder* tugas mengikut siri dalam *Google Classroom*. Projek video selesai selepas peserta kajian menghantar empat siri video yang merangkumi 48 kata kerja bertemakan situasi di ruang tamu.

iii. Memerhati

Pada peringkat “Memerhati”, pengkaji telah membuat pemantauan setiap minggu dan menyemak video yang dihantar oleh peserta kajian pada setiap minggu. Pemantauan dilakukan untuk melihat sama ada peserta kajian memahami kata kerja yang dilakonkan. Jika ada aksi yang kurang tepat dengan kata kerja, pengkaji akan memaklumkan peserta kajian untuk membuat pengubahsuaian. Pengkaji memberikan maklum balas kepada peserta kajian melalui ruangan komen dalam *Google Classroom*.

Setelah keempat-empat peserta kajian berjaya menyiapkan empat siri video kata kerja, ujian pascaintervensi telah dijalankan terhadap mereka. Peserta kajian menjawab ujian bertulis dengan pemantauan dalam *Google Meet*. Kemudian, mereka menghantar kertas jawapan tersebut

melalui *Google Classroom*. Pengkaji menyemak kertas jawapan setiap peserta kajian dan mengira jumlah skor yang diperoleh oleh setiap peserta kajian. Tahap penguasaan kata kerja diberikan berdasarkan skala gred ujian Annuar et al. (2021).

iv. Mereflek

Pada peringkat “Mereflek”, dapatan perbandingan data ujian pascaintervensi dan praintervensi dilaporkan dan dianalisis secara kritikal. Pengkaji meninjau semula kekuatan dan kelemahan projek video serta melihat kesesuaian intervensi ini terhadap peserta kajian. Hasil ujian pascaintervensi dapat diperhatikan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Keputusan ujian pascaintervensi

Peserta Kajian (PK)	Bahagian A	Bahagian B	Jumlah Markah	Peratus (%)	Tahap Penguasaan
A	21	15	36	72	Cemerlang
B	18	12	30	60	Sederhana
C	23	15	38	76	Cemerlang
D	16	8	24	48	Lemah

Keputusan ujian pascaintervensi menunjukkan bahawa PK A dan PK B telah mencapai tahap penguasaan Cemerlang, PK C mencapai tahap penguasaan Sederhana dan PK D masih terkandas pada tahap penguasaan Lemah.

Jadual 4 pula menunjukkan perbandingan keputusan ujian praintervensi dan pascaintervensi. Perbandingan dilakukan untuk melihat sejauh mana peningkatan dalam penguasaan kata kerja peserta kajian selepas menjalani intervensi projek video.

Jadual 4: Perbandingan keputusan ujian praintervensi & pascaintervensi

Peserta Kajian (PK)	Bahagian A		Bahagian B		Jumlah Markah		Peratus (%)	
	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca
A	14	21	7	15	21	36	42	72
B	8	18	4	12	12	30	24	60
C	13	23	14	15	27	38	54	76
D	11	16	7	8	18	24	36	48

Hasil perbandingan keputusan ujian praintervensi dan pascaintervensi menunjukkan berlakunya peningkatan skor penguasaan kata kerja bagi keempat-empat peserta kajian.

Bagi Soalan Bahagian A, skor PK B dan PK C telah meningkat sebanyak 10 markah, sementara skor PK A meningkat tujuh markah dan skor PK D meningkat lima markah. PK C mencapai skor tertinggi iaitu 23 markah, manakala PK D mencapai skor terendah iaitu 16 markah.

Bagi Soalan Bahagian B pula, skor PK A dan PK B telah meningkat sebanyak lapan markah, sementara skor PK C dan PK D meningkat satu markah. PK A dan PK C mencapai skor tertinggi dalam bahagian ini, iaitu 15 markah, manakala PK D mencapai skor terendah iaitu lapan markah.

Secara keseluruhannya, jumlah peratus skor yang dikumpulkan oleh kesemua peserta kajian menunjukkan peningkatan. Peningkatan peratus skor tertinggi ialah PK B, iaitu meningkat sebanyak 36 peratus, kemudian diikuti dengan skor PK A yang telah meningkat sebanyak 30 peratus. Sementara itu, skor PK C turut meningkat sebanyak 22 peratus dan peratus skor PK D meningkat sebanyak 12 peratus.

Analisis Keputusan Skor Soalan Bahagian A

Soalan Bahagian A mengkehendaki peserta kajian untuk memadankan gambar dengan kata kerja yang sesuai. Dengan itu, pengkaji cuba menguji kemampuan peserta kajian dalam mengecam dan memilih kata kerja yang paling tepat dengan gambar yang disediakan. Kebolehan untuk memilih kata kerja yang sesuai amat penting bagi murid-murid supaya mereka dapat menggunakananya untuk menyampaikan makna dengan tepat dan jelas kepada orang lain, sekaligus meningkatkan keberkesanan komunikasi bahasa.

Peningkatan skor yang ketara bagi kemampuan peserta kajian mengecam dan memilih kata kerja dapat diperhatikan dalam keputusan ujian pascaintervensi. PK A dan PK C yang sebelum ini telah mendapat skor dalam lingkungan markah 10-an telah berjaya meningkatkan prestasi masing-masing kepada markah 20-an selepas melaksanakan projek video kata kerja. Malah, PK B yang sebelum intervensi mendapat skor angka tunggal turut berjaya meraih skor menghampiri markah 20-an selepas intervensi dijalankan. Pencapaian ini menunjukkan bahawa projek video kata kerja sangat sesuai untuk mereka bagi meningkatkan kemahiran memilih kata kerja yang paling tepat. Secara tidak langsung, perkara ini membuktikan bahawa pengaplikasian Model Visual-Auditori-Kinestetik Fleming dalam projek video mampu merangsang pembelajaran PK A, PK B dan PK C dengan lebih berkesan. Mereka bukan sahaja telah belajar melalui lakonan aksi kata kerja, tetapi juga menggabunggalinkan elemen muzik dan kesan visual khas dalam video supaya kelihatan lebih menarik.

Sementara itu, skor PK D juga turut menunjukkan peningkatan, iaitu dari 11 kepada 16 markah. Meskipun begitu, peningkatan ini dilihat lebih mendatar jika dibandingkan dengan skor ketiga-tiga peserta kajian yang lain. Keadaan ini boleh berlaku disebabkan PK D yang tidak bersikap serius semasa melaksanakan projek video kata kerja. Pemantauan pengkaji dalam *Google Classroom* menunjukkan bahawa PK D selalu menghantar video pada saat-saat akhir. Video kata kerja juga dirakam dengan tergesa-gesa dan tidak disunting dengan baik seperti ketiga-tiga peserta kajian yang lain. Ini menunjukkan PK D kurang berminat terhadap pembelajaran berasaskan projek video dan suatu intervensi lain perlu dipertimbangkan untuk membantu PK D menguasai kata kerja dengan lebih baik.

Analisis Keputusan Skor Soalan Bahagian B

Soalan Bahagian B mengkehendaki peserta kajian untuk mengisi tempat kosong dalam ayat dengan memilih daripada sejumlah kata kerja yang diberi di dalam kotak pilihan. Dengan itu, pengkaji cuba menguji kemampuan peserta kajian dalam memahami dan mengaplikasikan kata kerja yang tepat dalam situasi ayat. Perkara ini sememangnya penting kerana bahasa tidak boleh dipelajari sekadar untuk tahu, tetapi murid-murid juga perlu mahir menggunakanannya dalam ayat sama ada dalam pertuturan maupun penulisan.

Keputusan ujian pascaintervensi turut menunjukkan peningkatan skor bagi keempat-empat peserta kajian dalam Bahagian B. PK A dan PK B yang sebelum ini hanya memperoleh setinggi tujuh dan empat markah telah berjaya meningkatkan skor masing-masing kepada 15 dan 12 markah selepas intervensi dijalankan. Meskipun begitu, peningkatan skor ini jauh lebih rendah berbanding dengan skor dalam Bahagian A. Hal yang sama turut berlaku kepada PK C dan PK D yang hanya menunjukkan peningkatan satu markah selepas intervensi.

Keadaan ini membuktikan bahawa murid yang mengecam dan mengetahui kata kerja tidak semestinya mahir menggunakanannya dalam ayat. Ini juga menjelaskan mengapa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merangka Tahap Penguasaan (TP) murid dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Jika dirujuk perincian dalam TP yang disenaraikan dalam DSKP bahasa Melayu sekolah rendah, kemampuan mengecam dan mengetahui sesuatu terletak pada TP 1 dan TP 2, manakala kemampuan mengaplikasikan sesuatu pula terletak pada TP 3 dan ke atas. Oleh itu, pengkaji merumuskan bahawa suatu penambahbaikan wajar dilakukan terhadap projek video bagi membantu murid menguasai kemahiran menggunakan kata kerja dengan baik dalam ayat.

Kekuatan Projek Video Sebagai Intervensi Kata Kerja

Projek video kata kerja ini berlandaskan tiga teori utama, iaitu Teori Konstruktivisme Kognitif Piaget, Model Pembelajaran Visual-Auditori-Kinestetik (VAK) Fleming, dan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek. Terdapat beberapa kekuatan projek video ini dalam meningkatkan kemampuan murid-murid untuk menguasai kata kerja bahasa Melayu.

Pertama sekali, projek video ini merangsang pembelajaran murid dari tiga aspek, iaitu visual, auditori dan kinestetik. Murid bukan sahaja belajar kata kerja melalui pergerakan tubuh mereka sendiri, malah mereka juga dapat memasukkan kesan khas yang menarik dan lagu latar yang sesuai dengan pergerakan tubuh mereka. Dengan adanya ketiga-tiga rangsangan ini, mereka lebih mudah mengecam dan mengingat kata kerja. Hal ini selaras dengan kajian Nur Syakirah & Muhammad Saiful Haq (2017) yang menyatakan bahawa murid lebih yakin dan mengingati pembelajaran melalui pergerakan badan dalam aktiviti langsung. Dapatkan kajian ini turut selari dengan kajian Noor Zuhidayah et al. (2019) yang menggunakan Model VAK terhadap pelajar bahasa Melayu di Jepun. Ini membuktikan kaedah ini berkesan terhadap pelajar bahasa kedua.

Selain itu, projek video ini juga sesuai dengan situasi pembelajaran di rumah. Murid hanya memerlukan bimbingan minimum daripada guru untuk belajar. Mereka juga tidak perlu menghadapi risiko masalah internet, atau menanggung kos internet yang mahal untuk mengikuti

Google Meet mengikut jadual setiap hari. Murid hanya perlu menghubungi guru melalui *Whatsapp*, atau meneroka sendiri maksud setiap kata kerja. Kemudian, segala proses pembelajaran berlaku secara kendiri dan murid mencipta pengalaman belajar melalui imaginasi diri sendiri. Akhirnya, mereka telah belajar untuk lebih bertanggungjawab ke atas proses pembelajaran diri dan tidak bergantung kepada guru semata-mata. Dapatan kajian ini turut bertepatan dengan kajian Mohd Rohiman et al. (2021) yang menyatakan guru cemerlang cenderung melaksanakan pembelajaran berdasarkan projek sepanjang PKP.

Seterusnya, projek video ini membolehkan murid-murid belajar dengan lebih seronok. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Fenny et al. (2021) yang menyatakan bahawa guru tidak boleh semata-mata bergantung pada *Google Meet*, tetapi wajar mengambil kira minat murid pada era sekarang. Mereka gemar menonton video-video dalam laman sosial, sama ada daripada *Facebook*, *Instagram*, *Youtube*, *TikTok* dan sebagainya. Melalui perakaman dan penyuntingan video kosa kata, murid dapat menikmati pengalaman belajar dan mendapatkan nilai yang berguna kepada diri sendiri. Mereka tidak lagi belajar dengan tujuan untuk lulus peperiksaan semata-mata, tetapi kerana minat dan hobi. Dengan itu, tentu sekali proses pembelajaran akan lebih berkesan.

Malah, video-video kata kerja yang telah dihasilkan dapat dijadikan sebagai bahan ulang kaji yang tidak akan membosankan murid. Mereka boleh menonton semula video-video tersebut pada masa lapang, atau berkongsi video tersebut dengan rakan-rakan. Dengan cara sedemikian, murid tidak perlu menghafal berkali-kali kata kerja yang kedengaran janggal, sebaliknya mereka dapat membiasakan diri dengan kata kerja tersebut dan akhirnya, persepsi mereka terhadap bahasa Melayu turut berubah. Mereka akan merasakan keseronokan mempelajari dan seterusnya menguasai bahasa Melayu dan tidak lagi berpendapat bahawa bahasa Melayu sukar dipelajari.

Kelemahan Projek Video Sebagai Intervensi Kata Kerja

Keputusan ujian pascaintervensi telah menunjukkan bahawa murid-murid masih belum benar-benar menguasai kemahiran menggunakan kata kerja dalam ayat selepas intervensi. Meskipun dengan lakonan aksi kata kerja dan meletakkan sari kata dalam video, murid hanya setakat mengecam kata kerja tersebut tetapi tidak mahir menggunakaninya.

Selain itu, rakaman dan penyuntingan video kata kerja juga memerlukan aplikasi yang mesra kanak-kanak, tidak berbayar dan tidak ada kesan *watermark*. Dalam proses pelaksanaan intervensi, terdapat peserta kajian yang telah tersilap menggunakan aplikasi yang mengenakan cas bayaran dan mewajibkan *watermark* pada video yang dihasilkan. Akibatnya, hasil video tersebut kurang memuaskan dan peserta kajian tersebut terpaksa menyunting semula video dengan aplikasi yang berbeza. Oleh itu, guru dan murid harus membuat tinjauan aplikasi yang sesuai sebelum melaksanakan projek video.

Seterusnya, terdapat juga beberapa kata kerja yang tidak sesuai untuk dirakam oleh peserta kajian. Pengkaji sengaja memilih kata kerja bertemakan situasi di ruang tamu kerana kesemua kata kerja ini dapat dirakam di dalam rumah dan boleh dilakukan oleh peserta kajian yang masih kecil. Namun begitu, bagi tema-tema kata kerja seperti situasi di dapur contohnya, terdapat kata kerja seperti memasak, menjerang dan mencincang yang agak membahayakan murid. Oleh itu, guru

bahasa Melayu yang hendak melaksanakan projek video harus peka dan berhati-hati dengan pilihan kata kerja yang hendak dirakam.

CADANGAN KAJIAN LANJUT

Secara keseluruhannya, projek video kata kerja telah terbukti berkesan dalam membantu murid meningkatkan penguasaan kata kerja, terutamanya dalam aspek pengetahuan kata kerja, tetapi penambahbaikan perlu dilakukan untuk membantu murid menggunakan kata kerja dengan tepat dalam ayat. Oleh itu, dalam projek selanjutnya, pengkaji akan meminta peserta kajian untuk membina ayat berdasarkan perlakuan dalam video masing-masing. Dengan itu, mereka akan belajar untuk menggunakan kata kerja dengan betul. Selain itu, pengkaji mencadangkan supaya projek video ini diperluas kepada golongan kata lain seperti kata nama dan kata adjektif. Guru-guru bahasa Melayu seharusnya lebih berani dalam meletakkan kepercayaan kepada murid-murid mereka untuk meneroka pembelajaran dalam alaf baharu dengan integrasi teknologi. Hal ini memandangkan murid-murid generasi kini lebih banyak terdedah kepada video dan animasi serta berpotensi untuk menghasilkan produk pembelajaran mereka yang tersendiri. Pengkaji turut mencadangkan supaya kajian lanjut dijalankan terhadap penggunaan *Youtube* sebagai medium untuk murid-murid menghasilkan video pembelajaran bahasa, sama ada secara individu, berpasangan mahupun berkumpulan. Hal ini wajar kerana trend *Youtuber* semakin mendapat tempat di hati generasi muda dan mereka dapat bermula dari awal untuk belajar bahasa dengan minat dan kecenderungan sendiri, di samping berkongsi ilmu dengan rakan-rakan yang lain.

KESIMPULAN

Bahasa Melayu bukanlah mata pelajaran yang berfakta dan kaku, tetapi mata pelajaran ini sesuatu yang hidup dan sentiasa berkembang. Sebagai guru bahasa Melayu, banyak penerokaan aktiviti yang perlu dilakukan oleh guru-guru bagi mewujudkan suasana pengalaman yang memberikan manfaat kepada perkembangan bahasa murid-murid, lebih-lebih lagi bagi murid yang baru bertatih di sekolah rendah. Persepsi murid terhadap bahasa Melayu tidak akan berakhir di sekolah rendah, tetapi akan terbawa-bawa ke sekolah menengah, universiti dan alam pekerjaan. Oleh itu, bagi menyuburkan minat murid-murid terhadap bahasa Melayu, guru-guru perlu sentiasa belajar seiring dengan murid-murid dan mendekati mereka untuk mengenal minat dan kecenderungan masing-masing. Pembaharuan kaedah belajar kata kerja ini sememangnya signifikan untuk mengubah persepsi murid-murid yang negatif. Diharap hasil kajian ini turut mampu mengubah persepsi guru-guru bahasa Melayu supaya percaya bahawa murid SJKC yang merupakan pengguna bahasa kedua juga boleh menguasai kosa kata dengan sempurna.

RUJUKAN

Abdul Rashid Jamian. 2016. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu. *Jurnal Bahasa*,1(4),445-482

- Ambikapathi Shanmugam, Tay Meng Guat & Shanthi V. Nadarajan. 2015. Analisis penggunaan kosa kata bahasa Melayu tahun 3 dengan perisian RANGE. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 12: 1-17.
- Anne Jeffrey Kihob & Saidatul Nornis Hj Mahali. 2020. Kerancuan bahasa dalam karangan murid sekolah menengah di daerah Tuaran, Sabah. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 31(2): 97-132.
- Annuar Khisham Isa, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Sharil Nizam Sha'ri. 2021. Tahap Penguasaan Penggunaan Kata Kerja dalam kalangan Pelajar di Tingkatan Empat Sekolah Berasrama Penuh. *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 12 (1): 901-04.
- Chahaya Abdul Manan. 2020. Membaca awal usia pelapis ketamadunan bangsa. Tinta Minda. Diakses dari: <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1858122> [30 Mei 2021].
- Chew Fong Peng. 2016. Masalah pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2): 10-22.
- Dayang Sufilkawany Ujai & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Pengaruh faktor sosial dalam pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid Iban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1); 74-84.
- Fenny Lau Yeo Feng, Kee Guek Fen, Khoo Phau Liang & Lee Huoy Shin. 2021. Kaedah pengajaran dalam talian guru bahasa melayu dan motivasi murid sekolah jenis kebangsaan cina sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11 (1), 57-74.
- Hazhari Ismail. 2021. COVID-19 antara punca utama kemahiran 3M terjejas. *BH Online*. Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/03/794037/covid-19-antara-punca-utama-kemahiran-3m-murid-terjejas> [30 Mei 2021].
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. Kupasan Mutu Jawapan UPSR 2014. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Buku Panduan Daftar Kosa Kata Bahasa Melayu SJK*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khairul Nizam Mohamed Zuki. 2017. Penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau. *International Journal of Humanities and Social Science Invention*, 6(10): 1-11.
- Liew Siew Lin, Yahya Othman & Abdul Rasid Jamian. 2016. Kesalahan bahasa dalam karangan pelajar Cina sekolah menengah. *Jurnal Bahasa*, 3(2): 206-225.
- Mohd Rohiman Subri , Rohizani Yaakub, Azlinda Boheran Nudin. 2021. Pelaksanaan pengajaran guru cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Melayu ketika pandemik COVID-19: Satu kajian kes. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (Edisi khas): 21-32.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkipli, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad & Shahlan Surat. 2019. Pengaplikasian gaya pembelajaran VAK bagi pembelajaran budaya Melayu dalam kalangan pelajar di TUFS, Jepun. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1): 112-142.
- Nur Syakirah binti Azizan & Muhammad Saiful Haq bin Hussin. 2017. Penguasaan asas membaca bahasa Melayu melalui program LINUS di utara semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 28: 135-163.
- Paramasivam Muthusamy. 2017. Komunikasi percampuran kod dalam masyarakat multilingual di Malaysia. *Journal of Business and Social Development*, 5(1): 36-48.
- Sri Ayu Kartika Amri. 2021. Pengajaran konvensional lebih berkesan. *My Metro*. Diakses dari: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/698793/pengajaran-konvensional-lebih-berkesan> [30 Mei 2021].

LAMPIRAN

1. SENARAI KATA KERJA (SITUASI DI RUANG TAMU)

TEMA 1 - KEKELUARGAAN (SITUASI DI RUANG TAMU)							
Kata Nama			Kata Kerja			Kata Adjektif	
Bil		Bil		Bil		Bil	
1	abang	26	mainan	1	bercerita	26	menatang *
2	adik	27	mak cik	2	berbual-bual	27	mencium
3	almari	28	meja	3	berdiri	28	mendengar
4	anak saudara	29	mesin jahit	4	berehat	29	mendoakan *
5	ayah	30	nenek	5	bergurau	30	mengatur
6	bapa saudara	31	pak cik	6	bermain	31	mengayun *
7	bayi	32	pasu	7	bersalam	32	mengelap
8	benang	33	pendingin hawa *	8	bersandar	33	mengemas
9	buaian	34	pengikat langsir	9	bersila	34	mengemop
10	bunga	35	penyaman udara	10	bersimpuh *	35	menggantung
11	datuk	36	penyepit langsir *	11	duduk	36	menggubah *
12	erak	37	permaidani / karpet	12	melayari	37	menghampar *
13	gambar	38	pintu	13	meletakkan	38	menghias
14	gunting	39	potret *	14	melipat	39	menghidangkan
15	hiasan dinding	40	radio	15	melipat kain	40	meniarap *
16	ibu saudara	41	rak surat khabar	16	memandang	41	menjahit
17	jam dinding	42	sofa	17	memangku *	42	menjemput
18	jarum peniti *	43	surat khabar	18	memasang	43	menonton
19	kakak	44	televisyen	19	membaca	44	menyambut
20	karpet *	45	tetamu	20	membantu	45	menyapu
21	kerusi	46	tikar	21	membawa	46	menyusun
22	kipas siling	47	tingkap / jendela	22	membelek *	47	minum
23	lampu	48	tuala	23	membuka	48	tersenyum
24	lampu hiasan	49	kiub / kubus *	24	memegang		selamat
25	langsir			25	mempersilakan		tebal

(KPM, 2018: 16)


2. CONTOH VIDEO KATA KERJA PESERTA KAJIAN




Gambar 1. PK A melakonkan aksi kata kerja “menatang”



Gambar 2. PK B melakonkan aksi kata kerja “membawa”



Gambar 3. PK C melakonkan aksi kata kerja “bersandar”



Gambar 4. PK D melakonkan aksi kata kerja “melayari”